

GENTING HIGHLANDS
*Photo by Adib Pouzi on Unsplash*

Mesyuarat Pengurus-Pengurus Projek PLANMalaysia | Institut Pengurusan Peladang Langkawi

# Penyelarasan dan Rundingan ANTARA NEGERI BERJIRAN DALAM PENYEDIAAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI DAN CADANGAN SENARAI SEMAK

21 Oktober 2019



Oleh
**TPr. Hj. Mokhtar bin Samadi**
Pengarah
Pejabat Projek Zon Timur

PLANMalaysia
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN
Pejabat Projek Zon Timur

# SKOP PEMBENTANGAN

1. TUJUAN
2. LATAR BELAKANG
3. PERUNTUKAN PERUNDANGAN
4. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
5. KESIMPULAN

# TUJUAN

- Menyediakan senarai semak aspek penyelarasan dan perundingan antara negeri-negeri berjiran yang perlu diambil kira semasa penyediaan sesuatu RSN.
- Sebagai panduan kepada Pengarah-Pengarah Negeri dan pasukan kajian bagi memastikan sesuatu RSN yang disediakan memenuhi keperluan perundangan dan semua pihak berkepentingan bagi tujuan penyelarasan perancangan antara negeri.



*PULAU PERHENTIAN*
*Photo by Gaddafi Rusli on Unsplash*

# LATAR BELAKANG



***BUKIT BINTANG***
*Photo by Zamirul Roslan on Unsplash*

- **Konsep asas penyelarasan antara negeri dalam penyediaan RP.**
- **Prinsip asas penyelarasan antara negeri di peringkat RSN.**
- **Keperluan penyelarasan perancangan semasa menyediakan RSN akan melibatkan pendekatan penyelarasan perancangan secara mendatar *(Horizontal Coordination)* dan penyelarasan secara menegak *(Vertical Coordination)*.**

# RANCANGAN PEMBANGUNAN DAN KONSEP ASAS PENYELARASAN ANTARA NEGERI



# PRINSIP ASAS PENYELARASAN ANTARA NEGERI DI PERINGKAT RSN

## 1

Perkara merentasi sempadan negeri perlu dilihat secara bersepadu dan bersama kerana setiap negeri berjiran mempunyai kekuatan dan keupayaan berbeza untuk menampung pembangunan.

## 2

Perancangan bersama antara negeri boleh melihat kemungkinan wujud peluang atau potensi kepentingan pembangunan bersama berbanding perancangan negeri itu secara sendiri.

## 3

Jaringan infrastruktur utama antara negeri memerlukan kesinambungan dan penyelarasan bagi mengelakkan pertindihan, pembaziran dan ketidakcekapan penggunaan sumber serta aset negara.

## 4

Keharmonian guna tanah kawasan bersempadan boleh mengurangkan konflik dan pertikaian yang boleh memberi kesan negatif kepada kedua-dua negeri bersebelahan.

# PERUNTUKAN PERUNDANGAN

## DAN KEPERLUAN BUKAN PERUNDANGAN


KLCC
Photo by Sadie Teper on Unsplash

### PERUNTUKAN PERUNDANGAN

- **Akta 172**
  Penyelarasan secara mendatar (HC)
- **Akta 172 dan akta lain berkaitan**
  Penyelarasan secara menegak (VC)

### KEPERLUAN BUKAN PERUNDANGAN

- **MS ISO 9001:2015 dan Manual RS**

# PERUNTUKAN PERUNDANGAN
## Penyelarasan Secara Mendatar (HC)

**Subseksyen 7(4) Akta 172 berkaitan kewajipan Pengarah Negeri berunding dengan negeri-negeri berjiran ke atas perkara-perkara dijangka menyentuh pemajuan atau perancangan negeri bersebelahan.**




### Subseksyen 7(4) Akta 172

"Pengarah Negeri hendaklah bagi maksud menunaikan fungsinya di bawah seksyen ini berunding dengan Pengarah Negeri mana-mana negeri yang lain mengenai perkara yang berhubungan dengan kawasan negeri yang lain itu yang dijangka akan menyentuh pemajuan atau perancangan pemajuan negeri itu berkenaan dengan tinjauan yang dimulakan di bawah seksyen ini."

## Kaedah 4(1)

**Bagi menunaikan fungsinya di bawah subseksyen 7(4) Akta dan sebelum laporan tinjauan dikemukakan kepada Jawatankuasa di bawah subseksyen 8(1) Akta, Pengarah Negeri hendaklah berunding dengan semua Pengarah Negeri berjiran, atau mana-mana negeri lain yang berkaitan.**




## Kaedah 4(2)

**Perkara yang perlu dirunding oleh Pengarah Negeri dengan Pengarah Negeri berjiran atau mana-mana negeri yang lain mengenai perancangan pembangunan yang melibatkan kawasan sempadan atau merentasi sempadan negeri, termasuk pemajuan dan pembangunan tanah, pengurusan alam sekitar, sistem pengangkutan, infrastruktur, utiliti dan kemudahan utama yang lain.**

# PERUNTUKAN PERUNDANGAN
## Penyelarasan Secara Menegak (VC)

### Subseksyen 6B(5) Akta 172
Penterjemahan RFN

**"Adalah menjadi tugas am Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan tiap-tiap Negeri untuk membantu dalam memastikan bahawa matlamat RFN tercapai."**

### Subseksyen 6A(5) Akta 172
Berkaitan Kawasan JPW

**Tugas-tugas JPW**

- Nasihat berkaitan RP yang sesuai
- Merangka RW untuk memandu dan menyelaras
- Merancang dan menyelaras penyediaan infrastruktur dan kemudahan







Sumber | Rancangan Fizikal Negara Ke-3




Sumber | Laporan Akhir Central Forest Spine - Pelan Induk Rangkaian Ekologi

# PERUNTUKAN PERUNDANGAN
## AKTA BERKAITAN KAWASAN KORIDOR EKONOMI WILAYAH

### Akta A688

WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

**Akta Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur 2008 berkaitan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur di bawah Bahagian IV Seksyen 21:**

**Kewajipan memberi perhatian ke atas Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang melibatkan 4 negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan sebahagian negeri Johor**

### Akta 687

KORIDOR UTARA MALAYSIA

**Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara 2008 berkaitan arah, dasar dan strategi bagi pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara di bawah Bahagian IV Seksyen 26:**

**Kewajipan mengambil kira pelan induk melibatkan 4 negeri (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan sebahagian negeri Perak)**

Nota | Akta 664 Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Iskandar 2007 tidak berkait dengan penyelarasan antara negeri kerana melibatkan 1 negeri sahaja

# PERUNTUKAN PERUNDANGAN
## AKTA BERKAITAN KAWASAN KORIDOR EKONOMI WILAYAH

Tiap-tiap entiti Kerajaan, mana-mana badan atau orang sama ada tempatan atau asing, berkewajipan untuk memberi perhatian kepada dan bertindak mengikut cara yang selaras dengan kandungan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur sama ada atau tidak dimasukkan ke dalam rancangan tempatan menurut subseksyen 19(5).

WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

**Seksyen 21 Akta A688**

Menjadi kewajipan tiap-tiap entiti Kerajaan dan orang sama ada tempatan atau asing untuk mengambil tahu tentang dan bertindak mengikut cara yang selaras dengan:

- Kandungan Rancangan Pembangunan WEKU yang tidak dimasukkan ke dalam suatu rancangan tempatan menurut subseksyen 24(5) dalam melaksanakan fungsi dan ...
- Kandungan Rancangan Pembangunan WEKU yang diperihalkan dalam perenggan 23(2) yang tidak dimasukkan ke dalam suatu rancangan tempatan menurut subseksyen 24(5) ...

KORIDOR UTARA MALAYSIA

**Seksyen 26 Akta 687**

# NOD PEMBANGUNAN ECER

**STRATEGI 'DESENTRALISASI TERTUMPU' UNTUK MENGOPTIMUMKAN SUMBER DAN MEMASTIKAN INTEGRASI BANDAR-LUAR BANDAR**

**MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN DAN KEUSAHAWANAN UNTUK RAKYAT**

MAJUS PEMBANGUNAN ECER




7 kawasan pembangunan utama (nod) telah dikenal pasti untuk memastikan **pembangunan yang seimbang dan mapan** di Wilayah ini, menyumbang kepada **integrasi bandar-luar bandar** di ECER




Sumber | Pelan Induk ECER 2.0

# STRATEGI INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN

## SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA PERTUMBUHAN SOSIO EKONOMI DI ECER




Sumber | Pelan Induk ECER 2.0

# KEPERLUAN BUKAN PERUNDANGAN



## JPBD (IP) PKK RS (Kajian Semula)

**HC** — 01 Klausa 2.2 (d) Prosedur Kualiti Khas

**Mengambil kira kepentingan dengan negeri berjiran sebagaimana peruntukan subseksyen 7(4) Akta 172**

**VC** — 07 Klausa 3.0 (1.3) Penyediaan Draf RS (Kajian Semula)

**Mengenalpasti dasar-dasar pembangunan semasa di peringkat negara, wilayah, negeri dan negeri-negeri bersempadan.**

**HC & VC** — Bab 4 Perkara 4.2 (i) Pembangunan Wilayah dan Negeri Bersempadan

- **Mengambil kira perancangan pembangunan koridor ekonomi wilayah dan negeri bersempadan.**
- **Menilai pertalian dan hubungan negeri serta negeri bersempadan *(complimentary)*.**
- **Pelan potensi pembangunan kawasan bersempadan dalam konteks wilayah.**



# KONSEP PENYELARASAN ANTARA NEGERI
## DAN PERKAITAN RSN DENGAN RFN DAN RW





IPOH
Photo by Luke Ow on Unsplash

# CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

## DAN JADUAL SENARAI SEMAK PENYELARASAN ANTARA NEGERI

- Bilangan negeri yang dirujuk
- Aspek utama penyelarasan antara negeri
- Peringkat penyelarasan
- Jadual senarai semak penyelarasan antara negeri
- Cadangan laporan penyelarasan
- Cadangan penubuhan JK Kerja Penyelarasan
- Penyelarasan di peringkat JK sedia ada

# BILANGAN NEGERI BERJIRAN

## YANG PERLU DIRUJUK BERDASARKAN FAKTOR GEOGRAFI

| RS NEGERI | NEGERI BERJIRAN YANG PERLU DIRUJUK | Bilangan |
|---|---|---|
| JOHOR | Melaka<br>Negeri Sembilan<br>Pahang | 3 |
| MELAKA | Johor<br>Negeri Sembilan | 2 |
| N. SEMBILAN | Melaka<br>Johor<br>Pahang<br>Selangor | 4 |
| SELANGOR | Negeri Sembilan<br>WP Putrajaya<br>WP Kuala Lumpur<br>Pahang<br>Perak | 5 |
| PERAK | Selangor<br>Pahang<br>Kelantan<br>Kedah<br>Pulau Pinang | 5 |
| P. PINANG | Perak<br>Kedah | 2 |
| KEDAH | Pulau Pinang<br>Perak<br>Perlis | 3 |
| PERLIS | Kedah | 1 |
| PAHANG | Johor<br>Negeri Sembilan<br>Selangor<br>Perak<br>Kelantan<br>Terengganu | 6 |
| TERENGGANU | Pahang<br>Kelantan | 2 |
| KELANTAN | Terengganu<br>Pahang<br>Perak | 3 |



# ASPEK UTAMA PENYELARASAN ANTARA NEGERI

| PERKARA-PERKARA KEPENTINGAN BERSAMA DENGAN NEGERI BERJIRAN BERKAITAN RSN | | ASPEK PENYELARASAN PERANCANGAN DIKENALPASTI |
|---|---|---|
| Perkara berkaitan **hala tuju negeri** bersama dengan negeri berjiran yang ditetapkan di peringkat negara dan wilayah | 1 | Penyelarasan penterjemahan dasar negara dan wilayah termasuk kawasan sempadan bersama |
| Perkara melibatkan **kepentingan bersama dalam rantaian ekonomi** sebagai satu wilayah bersepadu di peringkat negara | 2 | Penyelarasan pembangunan ekonomi yang saling sokong menyokong dan mengelakkan persaingan |
| Perkara berkaitan **pembangunan perbandaran dan petempatan penduduk** di kawasan bersempadan negeri | 3 | Penyelarasan pembangunan bandar-bandar bersebelahan termasuk hierarki perbandaran di kawasan bersempadan |



# ASPEK UTAMA PENYELARASAN ANTARA NEGERI

| PERKARA-PERKARA KEPENTINGAN BERSAMA DENGAN NEGERI BERJIRAN BERKAITAN RSN | | ASPEK PENYELARASAN PERANCANGAN DIKENALPASTI |
|---|---|---|
| Perkara berkaitan **pemeliharaan dan pengekalan alam sekitar** merentasi sempadan negeri dan saling berkaitan dengan negeri-negeri berjiran | 4 | Penyelarasan KSAS dan kawasan warisan yang perlu dipelihara atau dikekalkan bagi kesinambungan antara negeri untuk kepentingan bersama |
| Perkara berkaitan **jaringan infrastruktur, utiliti dan kemudahan sosial utama** bersama dan bersambungan serta merentasi sempadan negeri | 5 | Penyelarasan jaringan jalan raya dan rel, infrastruktur dan kemudahan utama merentasi sempadan |
| Perkara berkaitan **penggunaan tanah sama ada tepu bina atau bukan tepu bina** yang terletak bersebelahan atau merentasi sempadan negeri | 6 | Penyelarasan perancangan fizikal untuk keharmonian guna tanah antara negeri |

# PERINGKAT PENYELARASAN
## SEMASA PENYEDIAAN RSN

PERINGKAT AWAL
**Kajian RSN**

Diperlukan untuk memastikan perkara asas negeri berjiran dikenalpasti terlebih dahulu sebelum penyediaan laporan teknikal dan laporan pemeriksaan.

PERINGKAT
**Draf RSN**

Diperlukan di peringkat ini bagi memastikan hala tuju strategik dan cadangan-cadangan dalam Draf RSN (Kajian Semula) yang baru telah mengambilkira keperluan-keperluan negeri berjiran akan dimaklum semula untuk penyelarasan dengan negeri berjiran.

# Jadual Senarai Semak

## Penyelarasan Antara Negeri

**Peringkat Awal Kajian RSN**

| | Penyelarasan Di Peringkat Awal Kajian RS | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Cadangan utama kawasan negeri bersebelahan mengikut Gambar Rajah Utama RS sedia ada negeri berjiran untuk kesinambungan antara negeri. | | |
| 2 | Cadangan utama kawasan negeri bersebelahan mengikut Pelan Subjek RS sedia ada negeri berjiran untuk kesinambungan cadangan sektoral antara negeri (jika ada). | | |
| 3 | Guna tanah utama semasa kawasan daerah / jajahan negeri bersebelahan bagi mewujudkan keharmonian guna tanah. | | |
| 4 | Bandar-bandar bersebelahan atau bandar bersempadan dari segi peranan, fungsi dan pengaruhnya atau pertalian dengan negeri. | | |
| 5 | Projek komited utama terkini kawasan bersebelahan seperti projek pengairan pertanian, bekalan air, KSAS, tambakan laut, pelabuhan, lapangan terbang, empangan dan lain-lain. | | |
| 6 | Rangkaian jalan dan infrastruktur dan kemudahan awam utama sedia ada dan cadangan yang merentasi kedua-dua negeri atau yang terletak di kawasan sempadan. | | |
| 7 | Hala tuju atau potensi kawasan daerah / jajahan negeri bersebelahan mengikut RS negeri berjiran. | | |
| 8 | Perundingan projek fizikal utama negara yang merentasi sempadan negeri-negeri berjiran yang terkini seperti ECRL, HSR, LPT3 dan lain-lain. | | |
| 9 | Perkara-perkara lain berkaitan termasuk kegunaan khas kawasan bersebelahan sempadan negeri. | | |

# Jadual Senarai Semak

## Penyelarasan Antara Negeri

**Peringkat Draf RSN**

| | Penyelarasan Di Peringkat Draf RSN | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Penyelarasan cadangan RFN yang melibatkan kawasan sempadan negeri berkaitan. | | |
| 2 | Penterjemahan cadangan RW (di bawah Akta 172) bagi kawasan sempadan negeri berkaitan jika melibatkan kawasan JPW. | | |
| 3 | Penterjemahan cadangan utama RW khas (Akta 687 dan Akta 688) kawasan koridor wilayah ekonomi dan Zon Ekonomi Khas yang ditetapkan bagi kawasan pembangunan bersama dan cadangan utama sahaja di kawasan bersempadan. | | |
| 4 | Cadangan bandar bersebelahan yang saling menyokong dan melengkapi termasuk hierarki bandar bersebelahan atau yang terletak di kawasan sempadan negeri. | | |
| 5 | Kawasan zon pengekalan bersama seperti Taman Negara dan kawasan tadahan air, pengekalan warisan dan sumber marin yang merentasi sempadan negeri. | | |
| 6 | Pengekalan koridor ekologi CFS yang merentasi sempadan negeri – sambungan PL dan SL. | | |
| 7 | Perancangan kawasan tadahan sumber air bersebelahan atau merentasi sempadan negeri dan lembangan sungai bersama di kawasan bersempadan. | | |
| 8 | Jaringan lebuh raya dan jalan persekutuan merentasi sempadan negeri yang bersambungan. | | |
| 9 | Rangkaian infrastruktur dan utiliti utama merentasi sempadan negeri seperti laluan paip gas, bekalan elektrik, terusan dan lain-lain yang berkaitan. | | |
| 10 | Kawasan tadahan penduduk bagi kemudahan awam utama kawasan bersebelahan antara negeri (menandakan kemudahan peringkat tinggi dan unjuran kemudahan mengambilkira petempatan bersebelahan kawasan sempadan negeri). | | |

# Jadual Senarai Semak

Penyelarasan Antara Negeri

## Peringkat Draf RSN (samb.)

| | Penyelarasan Di Peringkat Draf RSN | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 11 | Penyelarasan zon guna tanah utama rentas sempadan dan ditunjukkan dalam peta atau rajah bagi zon guna tanah khas yang melibatkan dua negeri secara indikatif. | | |
| 12 | Kawasan pertanian utama bersebelahan dan keperluan pemeliharaan kawasan bekalan makanan negara masa hadapan termasuk kawasan jelapang padi negara atau kawasan pengairan pertanian rentas sempadan negeri. | | |
| 13 | Penyelarasan sumber mineral dan perlombongan kawasan bersempadan secara indikatif. | | |
| 14 | Penyelarasan zon industri utama seperti zon industri berat di kawasan bersempadan dan keperluan zon penampan bersama secara indikatif. | | |
| 15 | Cadangan pembangunan bandar bersebelahan dengan sempadan negeri. | | |
| 16 | Kawasan khas atau sensitif seperti kem tentera, institusi diraja dan lain-lain negeri bersebelahan di kawasan sempadan negeri. | | |
| 17 | Penyelarasan Gambar Rajah Utama – memetakan komponen merentasi sempadan negeri termasuk rangkaian infrastruktur utama. | | |
| 18 | Gambar rajah sokongan penyelarasan antara negeri termasuk memetakan kerangka spatial cadangan pembangunan yang mempunyai kepentingan bersama di kawasan sempadan negeri. | | |
| 19 | Penyelarasan kemudahan pelancongan seperti jeti dan kompleks imigresen (CIQ) bersebelahan di kawasan sempadan negeri. | | |
| 20 | Penyelarasan penggunaan terminologi dalam dokumen RS yang merujuk keperluan Akta, Kaedah-Kaedah RS dan Manual RS Edisi Terkini termasuk penggunaan nama yang sama bagi komponen atau projek merentasi sempadan negeri. | | |
| 21 | Lain-lain perkara berkaitan cadangan hala tuju negeri yang boleh memberi kesan kepada kawasan negeri berjiran. | | |

Senarai Semak Penyelarasan Peringkat Draf

# RSN Terengganu dengan Negeri Kelantan

| | Aspek Penyelarasan | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Penterjemahan cadangan RFN yang melibatkan kawasan sempadan negeri berkaitan. | ✓ | S 1.2<br>ms 6-9 |
| 2 | Penterjemahan cadangan RW (di bawah Akta 172) bagi kawasan sempadan negeri berkaitan jika melibatkan kawasan JPW. | TB | Tiada penubuhan JPW melibatkan Kelantan dan Terengganu |
| 3 | Penterjemahan cadangan utama RW khas (Akta 687 dan Akta 688) kawasan koridor wilayah ekonomi dan Zon Ekonomi Khas yang ditetapkan bagi kawasan pembangunan bersama dan cadangan utama sahaja di kawasan bersempadan. | ✓ | (NOD 2)<br>Kota Bahru - Jeli-Besut<br>IP 1.17 ms 6-13 |
| 4 | Cadangan bandar bersebelahan yang saling menyokong dan melengkapi termasuk hierarki bandar bersebelahan atau yang terletak di kawasan sempadan negeri. | ✓ | IP 1.14<br>ms 6-11 |
| 5 | Kawasan zon pengekalan bersama seperti Taman Negara dan Kawasan tadahan air, pengekalan warisan dan sumber marin yang merentasi sempadan negeri. | ✓ | IP 1.18 – IP 1.22<br>ms 6-14 |
| 6 | Pengekalan koridor ekologi CFS yang merentasi sempadan negeri – sambungan PL dan SL. | ✓ | IP 1.11<br>ms 6-10 |
| 7 | Perancangan kawasan tadahan sumber air bersebelahan atau merentasi sempadan negeri dan lembangan sungai bersama di kawasan bersempadan. | ✓ | IP 1.12<br>ms 6-10 |

Sambungan

# Senarai Semak Penyelarasan Peringkat Draf
# RSN Terengganu dengan Negeri Kelantan




| | Aspek Penyelarasan | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 8 | Jaringan lebuh raya dan jalan persekutuan merentasi sempadan negeri yang bersambungan. | ✓ | IP 1.9<br>ms 6-10 |
| 9 | Rangkaian infrastruktur dan kemudahan utama merentasi sempadan negeri seperti laluan paip gas, bekalan elektrik, terusan dan lain-lain yang berkaitan. | ✓ | IP 1.9, IP 1.18<br>ms 6-10 & ms 6-13 |
| 10 | Kawasan tadahan penduduk bagi kemudahan awam utama kawasan bersebelahan antara negeri (menandakan kemudahan peringkat tinggi dan unjuran kemudahan mengambilkira petempatan bersebelahan kawasan sempadan negeri). | ✗ | Akan ditanda di peringkat Rancangan Tempatan |
| 11 | Penyelarasan zon guna tanah utama rentas sempadan dan ditunjukkan dalam peta atau rajah bagi zon guna tanah khas yang melibatkan dua negeri secara indikatif. | ✓ | Rajah 6.1.2<br>ms 6-15 |
| 12 | Kawasan pertanian utama bersebelahan dan keperluan pemeliharaan kawasan bekalan makanan negara masa hadapan termasuk kawasan jelapang padi negara atau kawasan pengairan pertanian rentas sempadan negeri. | ✓ | IP 1.13<br>ms 6-11 |
| 13 | Penyelarasan sumber mineral dan perlombongan kawasan bersempadan secara indikatif. | ✓ | Laporan Pemeriksaan |
| 14 | Penyelarasan zon industri utama seperti zon industri berat di kawasan bersempadan dan keperluan zon penampan bersama secara indikatif. | ✓ | Rajah 6.1.2<br>ms 6-15 |

Sambungan

# Senarai Semak Penyelarasan Peringkat Draf
# RSN Terengganu dengan Negeri Kelantan

| | Aspek Penyelarasan | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 15 | Cadangan pembangunan bandar bersebelahan dengan sempadan negeri. | ✓ | IP 1.14<br>ms 6-11 |
| 16 | Kawasan khas atau sensitif seperti kem tentera, institusi diraja dan lain-lain negeri bersebelahan di kawasan sempadan negeri. | ✓ | IP 1.19 – IP 1.22, Rajah 6.1.2<br>ms 6-14 – ms 6-15 |
| 17 | Penyelarasan Gambar Rajah Utama – memetakan komponen merentasi sempadan negeri termasuk rangkaian infrastruktur utama. | ✓ | ms 5-2<br>LPT & ECRL |
| 18 | Gambar rajah sokongan penyelarasan antara negeri termasuk memetakan kerangka spatial cadangan pembangunan yang mempunyai kepentingan bersama di kawasan sempadan negeri. | ✓ | Rajah 6.1.2<br>ms 6-15 |
| 19 | Penyelarasan kemudahan pelancongan seperti jeti dan kompleks imigresen (CIQ) bersebelahan di kawasan sempadan negeri. | ✓ | Rajah 6.1.2<br>ms 6-15<br>(Jeti Tok Bali dan Kuala besut) |
| 20 | Penyelarasan penggunaan terminologi dalam dokumen RS yang merujuk keperluan Akta, Kaedah-Kaedah RS dan Manual RS Edisi Terkini termasuk penggunaan nama yang sama bagi komponen atau projek merentasi sempadan negeri. | ✓ | |
| 21 | Lain-lain perkara berkaitan cadangan hala tuju negeri yang boleh memberi kesan kepada kawasan negeri berjiran. | ✓ | S 1.2<br>ms 6-18 – ms 6-15 |

## Senarai Semak Penyelarasan Peringkat Draf

# RSN Terengganu dengan Negeri Pahang



| | Aspek Penyelarasan | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Penterjemahan cadangan RFN yang melibatkan kawasan sempadan negeri berkaitan. | ✓ | S 1.2<br>ms 6-9 |
| 2 | Penterjemahan cadangan RW (di bawah Akta 172) bagi kawasan sempadan negeri berkaitan jika melibatkan kawasan JPW. | ✓ | IP 1.16<br>ms 6-12 |
| 3 | Penterjemahan cadangan utama RW khas (Akta 687 dan Akta 688) kawasan koridor wilayah ekonomi dan Zon Ekonomi Khas yang ditetapkan bagi kawasan pembangunan bersama dan cadangan utama sahaja di kawasan bersempadan. | ✓ | S 1.2<br>ms 6-9<br>Pelan Induk ECER 2.0 |
| 4 | Cadangan bandar bersebelahan yang saling menyokong dan melengkapi termasuk hierarki bandar bersebelahan atau yang terletak di kawasan sempadan negeri. | ✓ | IP 1.14<br>ms 6-11 |
| 5 | Kawasan zon pengekalan bersama seperti Taman Negara dan Kawasan tadahan air, pengekalan warisan dan sumber marin yang merentasi sempadan negeri. | ✓ | IP 1.23 – IP 1.25<br>ms 6-16 – ms 6-17 |
| 6 | Pengekalan koridor ekologi CFS yang merentasi sempadan negeri – sambungan PL dan SL. | ✓ | IP 1.11 & IP 1.24<br>ms 6-10 & ms 6-17 |
| 7 | Perancangan kawasan tadahan sumber air bersebelahan atau merentasi sempadan negeri dan lembangan sungai bersama di kawasan bersempadan. | ✓ | IP 1.12<br>ms 6-10 |

Sambungan

# Senarai Semak Penyelarasan Peringkat Draf
# RSN Terengganu dengan Negeri Pahang



| Aspek Penyelarasan | | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 8 | Jaringan lebuh raya dan jalan persekutuan merentasi sempadan negeri yang bersambungan. | ✓ | IP 1.9<br>ms 6-11 |
| 9 | Rangkaian infrastruktur dan kemudahan utama merentasi sempadan negeri seperti laluan paip gas, bekalan elektrik, terusan dan lain-lain yang berkaitan. | ✓ | IP 1.23 – IP 1.25<br>ms 6-16 – ms 6-17 |
| 10 | Kawasan tadahan penduduk bagi kemudahan awam utama kawasan bersebelahan antara negeri (menandakan kemudahan peringkat tinggi dan unjuran kemudahan mengambilkira petempatan bersebelahan kawasan sempadan negeri). | ✗ | Akan ditanda di peringkat Rancangan Tempatan |
| 11 | Penyelarasan zon guna tanah utama rentas sempadan dan ditunjukkan dalam peta atau rajah bagi zon guna tanah khas yang melibatkan dua negeri secara indikatif. | ✓ | Rajah 6.1.3<br>ms 6-18 |
| 12 | Kawasan pertanian utama bersebelahan dan keperluan pemeliharaan kawasan bekalan makanan negara masa hadapan termasuk kawasan jelapang padi negara atau kawasan pengairan pertanian rentas sempadan negeri. | TB | Tiada Kawasan jelapang padi |
| 13 | Penyelarasan sumber mineral dan perlombongan kawasan bersempadan secara indikatif. | ✓ | Laporan Pemeriksaan |
| 14 | Penyelarasan zon industri utama seperti zon industri berat di kawasan bersempadan dan keperluan zon penampan bersama secara indikatif. | ✓ | Rajah 6.1.3<br>ms 6-18 |

Sambungan



# Senarai Semak Penyelarasan Peringkat Draf
# RSN Terengganu dengan Negeri Pahang

| | Aspek Penyelarasan | Tandakan (✓) atau (✗) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 15 | Cadangan pembangunan bandar bersebelahan dengan sempadan negeri. | ✓ | IP 1.14<br>ms 6-11 |
| 16 | Kawasan khas atau sensitif seperti kem tentera, institusi diraja dan lain-lain negeri bersebelahan di kawasan sempadan negeri. | ✓ | Rajah 6.1.3<br>ms 6-18 |
| 17 | Penyelarasan Gambar Rajah Utama – memetakan komponen merentasi sempadan negeri termasuk rangkaian infrastruktur utama. | ✓ | ms 5-2<br>ECRL |
| 18 | Gambar rajah sokongan penyelarasan antara negeri termasuk memetakan kerangka spatial cadangan pembangunan yang mempunyai kepentingan bersama di kawasan sempadan negeri. | ✓ | Rajah 6.1.3<br>ms 6-18 |
| 19 | Penyelarasan kemudahan pelancongan seperti jeti dan kompleks imigresen (CIQ) bersebelahan di kawasan sempadan negeri. | ✓ | Rajah 6.1.3<br>ms 6-18<br>(Pelabuhan Kemaman dan Kuantan) |
| 20 | Penyelarasan penggunaan terminologi dalam dokumen RS yang merujuk keperluan Akta, Kaedah-Kaedah RS dan Manual RS Edisi Terkini termasuk penggunaan nama yang sama bagi komponen atau projek merentasi sempadan negeri. | ✓ | |
| 21 | Lain-lain perkara berkaitan cadangan hala tuju negeri yang boleh memberi kesan kepada kawasan negeri berjiran. | ✓ | |

# PELAN PENYELARASAN NEGERI BERJIRAN

KELANTAN & PAHANG BAGI DRAF RSN TERENGGANU 2050

**Sumber Kajian Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula)**






# Inisiatif Pelaksanaan Negeri Bersempadan: RSN Terengganu 2050

| Kod | Inisiatif Pelaksanaan | Agensi Pelaksana Utama | |
|---|---|---|---|
| IP 1.19 | Meneroka propek Daerah Besut dengan Jajahan Machang, Kelantan iaitu:<br>▪ Perkongsian sumber hutan dan persekitaran semula jadi HS Ulu Sat dan HS Pelagat dengan pembukaan tanah di kawasan hutan bersempadan boleh mengancam kuantiti bekalan air pengairan kawasan pertanian. | Perancangan | UPEN, PMT, PMK |
| | | Pelaksanaan | JPSM, JPS, IADA, KETARA |
| | | Penguatkuasaan | JPSM, JPS, IADA KETARA |
| | | Pemantauan | PBN |
| IP 1.20 | Meneroka prospek Daerah Besut dengan Jajahan Kuala Krai, Kelantan iaitu:<br>▪ Perkongsian sumber hutan dan persekitaran semula jadi HS Sg. Rek, HS Hulu Besut, HS Sg, Durian dan HS Pelagat.<br>▪ Kawalan pembukaan hutan di huluan Batu Mengkebang kerana boleh mengancam kompleks hutan, kuantiti dan kualiti air Sg. La yang masuk ke Empangan Paya Peda.<br>▪ Kawalan pembukaan tanah di huluan Sg. Pelagat kerana boleh memberi risiko perubahan cuaca dan ekosistem setempat seterusnya mengancam kompleks hutan dan kualiti air sungai yang melalui Bandar Jertih. | Perancangan | UPEN, PMT, PMK |
| | | Pelaksanaan | JPSM, JPS |
| | | Penguatkuasaan | JPSM, JPS |
| | | Pemantauan | PBN |
| IP 1.21 | Meneroka prospek Daerah Hulu Terengganu dengan Jajahan Gua Musang, Kelantan iaitu:<br>▪ Perkongsian Taman Negara tiga (3) negeri – Pahang, Terengganu dan Kelantan iaitu CFS1-PL7 HS Tembat – Taman Negara, HS Lebir dan Taman Negeri Lawit – Cenana.<br>▪ Kawalan pembukaan tanah sekitar FELDA Aring dan FELDA Chiku kerana boleh mengancam kompleks hutan Taman Negara Terengganu / Taman Negeri Lawit – Cenana dan kawasan tadahan air Tasik Kenyir.<br>▪ Memelihara kualiti huluan Sg. Ketiar, Sg. Pak, Sg. Besar, Sg. Lepar, Sg. Biwah dan Sg. Tekawang.<br>▪ Melengkapkan rangkaian produk pelancongan Cameron Highlands – Pulau Redang / Pulau Perhentian dan Tasik Kenyir. | Perancangan | UPEN, PMT, PMK |
| | | Pelaksanaan | JPSM, JPS, TT |
| | | Penguatkuasaan | JPSM, JPS |
| | | Pemantauan | PBN |

## Sambungan

| Kod | Inisiatif Pelaksanaan | Agensi Pelaksana Utama | |
|---|---|---|---|
| IP 1.23 | Meneroka propek Daerah Kemaman dengan Daerah Jerantut dan Kuantan, Pahang iaitu:<br>▪ Menyelaras pembangunan ekonomi dan fizikal Daerah Kemaman yang membentuk Zon Ekonomi Khas Kerteh – Kuantan – Pekan secara bersama (Rajah 6.12).<br>▪ Menyelaras pembangunan jalan penghubung antara negeri dari aspek saiz, kualiti dan landskap khususnya di pintu masuk utama negeri di Chendor.<br>▪ Memperkukuhkan kemudahan perniagaan dan high goods order bandar sempadan Chukai, kemudahan rekreasi di Daerah Kemaman dan Wilayah Ketengah. | Perancangan | ECERDC, UPEN, PMT, PMP |
| | | Pelaksanaan | UPEN, JKR, PBT, JPSM, JPS |
| | | Penguatkuasaan | UPEN, JKR, PBT, JPSM, JPS |
| | | Pemantauan | PBN |
| IP 1.24 | Meneroka prospek Daerah Hulu Terengganu dengan Daerah Jerantut, Pahang iaitu:<br>▪ Memulihara dan perkongsian Taman Negara tiga (3) negeri – Pahang, Terengganu dan Kelantan. | Perancangan | UPEN, PMT, PMP |
| | | Pelaksanaan | JPSM, JPS |
| | | Penguatkuasaan | JPSM, JPS |
| | | Pemantauan | PBN |

## Sambungan

| Kod | Inisiatif Pelaksanaan | Agensi Pelaksana Utama | |
|---|---|---|---|
| IP 1.25 | Meneroka prospek Daerah Dungun dengan Daerah Jerantut, Pahang iaitu:<br>▪ Memulihara dan perkongsian Kompleks Taman Negara Pahang dan Terengganu, dari pembukaan tanah tidak terkawal yang akan menjejaskan kestabilan ekosistem, gangguan kepada kawasan tadahan air dan berisiko bencana banjir lumpur.<br>▪ Memelihara kompleks hutan dan kualiti air huluan Sg. Dungun termasuk Sg. Cemerung, Sg. Pertang, Sg. Loh dan Sg. Perlis.<br>▪ Perkongsian sumber hutan dan persekitaran semula jadi HS Gunung Aai, HS Pasir Raja Selatan dan HS Jengai. | Perancangan | UPEN, PMT, PMP |
| | | Pelaksanaan | JPSM, JPS |
| | | Penguatkuasaan | JPSM, JPS |
| | | Pemantauan | PBN |

# INISIATIF PELAKSANAAN NEGERI BERSEMPADAN: RSN KELANTAN 2040



BAB 5

TERAS 3

Dasar Utama 11

39 Strategi

## EKONOMI BERDAYA SAING DAN PEMERKASAAN KHAZANAH WARISAN

| DASAR UTAMA | STRATEGI | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| **RSD 7 :** AKTIVITI PERDAGANGAN NEGERI KELANTAN AKAN DIPERLUASKAN DI PERINGKAT WILAYAH ASEAN DAN ANTARABANGSA | **SD 7.1:** Negeri Kelantan Akan Memainkan Peranan Aktif Di Dalam Pembangunan Ekonomi Wilayah IMT-GT, Asean dan Antarabangsa | 5-87 |
| | **SD 7.2:** Tahap Pelaburan Pelbagai Sektor Yang Berpotensi Di Negeri Kelantan Akan Ditingkatkan Di Bawah Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*ECER*) | 5-89 |
| | **SD 7.3:** Tahap Kerjasama Antara Negeri Kelantan dan Negeri-Negeri Bersempadan Akan Dipertingkatkan | 5-90 |
| **RSD 8 :** PEMBANGUNAN ASAS EKONOMI NEGERI KELANTAN AKAN DIPERTINGKATKAN | **SD 8.1:** Tahap Sumbangan KDNK Sektor Primer, Sekunder dan Tertiari Akan Dipertingkatkan Mengikut Kekuatan dan Potensi Masing-masing | 5-92 |
| | **SD 8.2 :** Membangunkan K-Ekonomi Negeri Kelantan Secara Bersepadu Dan Menyeluruh Untuk Melonjak Tahap Pembangunan Secara Mampan | 5-93 |
| | **SD 8.3 :** Memperkukuhkan Projek Pengupayaan Ekonomi Bagi Meningkatkan Pendapatan Golongan B40 | 5-95 |
| **RSD 9 :** TREND PENGHIJRAHAN KELUAR PENDUDUK AKAN DIMINIMUMKAN | **SD 9.1:** Peluang Pekerjaan Di Dalam Pelbagai Sektor Ekonomi Akan Dipertingkatkan | 5-97 |
| **RSD 10:** PEMBANGUNAN DAN KUALITI MODAL INSAN SEMUA GENERASI NEGERI KELANTAN AKAN DIPERTINGKATKAN | **SD 10.1:** Tahap Kemahiran Dan Keboleh Pasaran Tenaga Kerja Akan Dipertingkatkan | 5-99 |
| | **SD 10.2:** Meminimumkan Kadar Pengangguran Dalam Kalangan Graduan Berijazah | 5-101 |

DASAR PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN 2040



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI KELANTAN 2040




**Rajah 5.4:**
**PINTU MASUK SEMPADAN NEGERI KELANTAN**

# PELAN PENGARUH BANDAR BERSEMPADAN: RSN PAHANG 2050

PAHANG CEMERLANG 2050
SPATIAL MAJU SEJAHTERA LESTARI

**Rajah 3.4 : Pelan Pengaruh Bandar Bersempadan**




**Sumber : Kajian RSN Pahang 2050 (2017)**

PAHANG CEMERLANG 2050
SPATIAL MAJU SEJAHTERA LESTARI

**Jadual 3.1 : Daerah dan Hubungan Bandar Bersempadan**

| NEGERI | DAERAH | HUBUNGAN / KEPENTINGAN |
|---|---|---|
| Terengganu | Kemaman | • Bandar Chukai dan Kemaman sebagai sub Konurbasi Timur;<br>• Kerteh dan Kijal sebagai kawasan perusahaan minyak dan gas dan saling kebergantungan kegiatan industri petroleum dan gas terutamanya kawasan Gebeng yang menerima limpahan industri tersebut;<br>• Pelaburan dan peluang pekerjaan dalam industri minyak, gas dan bidang petroleum;<br>• Pelancongan pantai dan pusat pendaratan penyu di kawasan bersempadan di Cherating dan Chendor;<br>• Pewartaan Taman Negara melibatkan Daerah Kemaman bagi aktiviti pemuliharaan hutan, KSAS dan aktiviti ekopelancongan; dan<br>• Hubungan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang memudahkan mobiliti penduduk di bahagian utara di Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu yang melintasi daerah-daerah Negeri Pahang. |
| Kelantan | Gua Musang | • Hubungan tradisi yang melibatkan migrasi penduduk Negeri Kelantan terutama Daerah Hulu Kelantan ke kawasan Kuala Lipis dan Jerantut;<br>• Perhubungan jalan raya utama yang melalui kawasan pertengahan Negeri Pahang iaitu Gua Musang - Kuala Lipis-Raub – Bentong - Kuala Lumpur. Penyempurnaan *Central Spine Road* (CSR) dijangka memudahkan pergerakan dan mobiliti penduduk, tenaga kerja dan barangan di antara Lembah Klang ke utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang dijangka memberi kesan positif pembangunan;<br>• Pintu masuk dari utara untuk pelancong melalui Negara Thailand ke kawasan pelancongan terutamanya Taman Negara;<br>• Kawasan pelancongan warisan dan eko. Pewartaan Taman Negara melibatkan daerah Gua Musang bagi aktiviti pemuliharaan hutan, KSAS dan aktiviti eko pelancongan;<br>• Pintu masuk ke Taman Negara melalui Kuala Koh yang berada di sempadan Pahang-Kelantan di Merapoh; dan<br>• Laluan Gua Musang-Lojing-Kampung Raja-Simpang Pulai menghubungkan kawasan timur dan barat Semenanjung melalui Daerah Cameron Highlands, Gua Musang dan Simpang Pulai (Ipoh) merupakan laluan pergerakan barangan terutama pertanian. |

# CADANGAN LAPORAN PENYELARASAN
## DAN PERUNDINGAN ANTARA NEGERI

**Menyediakan laporan perundingan antara negeri yang mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara penyelarasan strategik dengan negeri-negeri berjiran termasuk peta atau rajah kerangka spatial pemajuan atau pembangunan bersama rentas sempadan atau kerangka wilayah melibatkan negeri berkaitan.**

**Peta atau rajah ini perlu dimasukkan dalam Draf RSN.**

Disediakan dalam dua (2) peringkat



# CADANGAN PENUBUHAN
## JAWATANKUASA KERJA PENYELARASAN

### FUNGSI

Menyelaras dan menilai syor-syor berkaitan pembangunan spatial rentas sempadan serta cadangan pembangunan di kawasan sempadan negeri yang oleh diambilkira semasa menyediakan Draf RS/RT kawasan sempadan.

### Pengerusi

Pengarah PLANMalaysia@Negeri yang menyediakan RSN

Justifikasi: Selaras keperluan subseksyen 7(4) Akta 172

### Ahli-ahli

Pengarah PLANMalaysia@Negeri berkaitan
Pengarah PPZ berkaitan
BPEN/UPEN negeri berkaitan
BRFN
BPW (bagi kawasan JPW atau cadangan JPW)
Agensi / jabatan lain berkaitan

### Urus Setia

Pengurus Projek PPZ (bagi kajian peruntukan persekutuan)
atau PLANMalaysia@Negeri (bagi kajian peruntukan negeri sepenuhnya)

# PENYELARASAN DI PERINGKAT JAWATANKUASA SEDIA ADA

**JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN (JPP) PLANMalaysia**

Membentangkan Draf RSN untuk tujuan penyelarasan di peringkat jabatan sebelum dibawa ke MPFN.

**JAWATANKUASA PERANCANG WILAYAH (JPW)**

Bagi negeri-negeri yang terletak di kawasan JPW untuk sokongan dan persetujuan.

**JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI (JPN)**

# KESIMPULAN



GRAND HYATT KUALA LUMPUR
*Photo by Ishan @seefromthesky on Unsplash*

- **Cadangan senarai semak penyelarasan dan perundingan antara negeri akan menjadi panduan kepada Pengarah-Pengarah Negeri dan pasukan kajian bagi memastikan sesuatu RSN yang disediakan memenuhi keperluan perundangan dan semua pihak berkepentingan serta wujud penyelarasan perancangan antara negeri.**
- **Senarai semak ini akan menjadi sebahagian daripada Manual RSN edisi terbaharu.**



*JAMBATAN PULAU PINANG*
*Photo by Aaron Lee on Unsplash*

# TERIMA kasih

PLANMalaysia
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN
Pejabat Projek Zon Timur